

MAKLUMAT AM
KARNIVAL SUKAN TAHUNAN PUSPANITA 2023

1. TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN

Acara : a) Acara Gelanggang

Tarikh/ : 17 Februari 2023 (Jumaat) / 3.00 petang – 6.30
Masa : petang
: 18 Februari 2023 (Sabtu) / 8.00 pagi – 6.30 petang
: 19 Februari 2023 (Ahad) / 8.00 pagi – 11.00 pagi

: b) Acara Balapan dan Padang

Tarikh/ : 18 Februari 2023 (Sabtu) / 8.00 pagi – 6.30 petang
Masa : 19 Februari 2023 (Ahad) / 8.00 pagi – 11.00 pagi

: c) Majlis Perasmian Penutupan dan Perbarisan Kontinjen


Tarikh/ : 19 Februari 2023 (Ahad) / 11.00 pagi – 1.00
Masa : tengah hari

**Tempat : Sports Arena @ UNITEN, Persiaran Cendekiawan, 4300 Kajang,
Selangor**

2. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- a. Penyertaan adalah terbuka kepada semua ahli PUSPANITA yang berdaftar.
- b. Pemain yang pernah mewakili negara atau negeri boleh didaftarkan dalam pasukan. Kementerian/Negeri/Jabatan tidak dibenarkan mendaftar pemain import atau mereka yang bukan berkhidmat di Kementerian/Negeri/Jabatan.
- c. Sekiranya pemain yang disenaraikan tidak dapat bermain atas sebab-sebab yang dibenarkan, pemain ganti hendaklah diambil daripada kalangan ahli PUSPANITA Kementerian/ Negeri tersebut sahaja. Borang Penyertaan pemain yang baru perlu dikemukakan sebelum pertandingan bermula.

- d. Pendaftaran dan pembayaran bagi pertandingan ini boleh dibuat **mulai 18 Januari 2023 (Rabu) sehingga 13 Februari 2023 (Isnin)** melalui pautan <https://shop.puspanita.org.my/> atau kod QR berikut:



- e. Yuran penyertaan tidak akan dikembalikan sekiranya pasukan menarik diri atau tidak muncul pada hari pertandingan.
- f. Jumlah pasukan dan penyertaan serta bayaran bagi setiap jenis pertandingan adalah seperti berikut:

Kategori A: Acara Permainan Gelanggang

Bil.	Jenis Pertandingan	Jumlah Penyertaan	Bayaran Penyertaan
1.	Kejohanan Futsal Piala KSN	37 pasukan	RM350.00/ pasukan
2.	Kejohanan Bola Jaring Piala YDP	37 pasukan	RM350.00/ pasukan
3.	Kejohanan Bola Tampar PUSPANITA	16 pasukan	RM350.00/ pasukan

*Nota: * Semua PUSPANITA Cawangan Kementerian dan Negeri diwajibkan menghantar satu (1) pasukan sahaja bagi pertandingan futsal dan bola jaring*

*** Penyertaan dalam pertandingan bola tampar adalah pilihan tambahan*

**** Yuran penyertaan Kategori A bagi setiap acara adalah sebanyak RM350.00.*

Kategori B: Acara Balapan dan Padang

Bil.	Jenis Pertandingan	Penyertaan Setiap Cawangan	Bayaran Penyertaan
1.	Larian 100m	1-2 orang peserta	RM500.00
2.	Larian 400m	1-2 orang peserta	
3.	Larian 1500m	1-2 orang peserta	
4.	Larian Berganti 4x100m	1 pasukan (4 orang peserta)	
5.	Larian Berganti 4x400m	1 pasukan (4 orang peserta)	
6.	Lompat Jauh	1-2 orang peserta	
7.	Lontar Peluru	1-2 orang peserta	
8.	Lumba Jalan Kaki 2000m (Veteran – 45 tahun dan ke atas)	1 orang peserta	

*Nota: * Semua PUSPANITA Cawangan Kementerian dan Negeri diwajibkan menghantar satu (1) peserta atau boleh menghantar maksimum dua (2) orang peserta sahaja bagi acara individu kecuali Lumba Jalan Kaki 2000m hanya seorang peserta.*

*** Semua PUSPANITA Cawangan Kementerian dan Negeri diwajibkan menghantar satu (1) pasukan sahaja bagi acara larian berganti.*

**** Semua PUSPANITA Cawangan Kementerian dan Negeri boleh menghantar peserta yang berumur 45 tahun dan ke atas bagi acara lumba jalan kaki (2000m)*

*****Yuran penyertaan bagi Kategori B adalah sebanyak RM500.00 sahaja.*

- g. Semua cawangan diwajibkan menyertai **acara perbarisan kontinjen**. Setiap kontinjen perbarisan perlulah dianggotai sekurang-kurangnya 30 orang ahli cawangan masing-masing. Semua Pengurus Pasukan, Jurulatih, Pemain boleh mengambil bahagian dalam acara ini. Maskot yang bersesuaian bagi acara perbarisan boleh ditampilkan sewaktu acara perbarisan sekiranya ada.



3. PENGADILAN

- a. Pihak penganjur akan melantik pengadil yang bertauliah untuk mengadili kejohanan dan sebarang keputusan adalah muktamad serta sebarang bentuk rayuan tidak akan dilayan.
- b. Setiap pasukan perlu tiba di lokasi pertandingan sekurang-kurangnya 15 minit sebelum pertandingan bermula. Pihak penganjur berhak memberikan mata kemenangan kepada pasukan lawan atau membatalkan penyertaan pasukan yang lewat hadir ke lokasi pertandingan tanpa sebarang alasan yang munasabah.

4. PENAFIAN

- a. Pihak penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan peserta atau pasukan yang mengisi butiran maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap atau tidak mematuhi syarat penyertaan dan pertandingan.
- b. Semua keputusan yang dibuat oleh pegawai pertandingan adalah MUKTAMAD. Sebarang bantahan tidak akan dilayan atau diterima.
- c. Pihak penganjur berhak membuat pindaan terhadap terma dan syarat pertandingan pada bila-bila masa mengikut keperluan.
- d. Pihak penganjur tidak akan menanggung sebarang kos atau kerugian bagi mana-mana peserta atau pasukan yang menyertai Karnival Sukan Tahunan PUSPANITA ini.

5. RAYUAN/ BANTAHAN

- a. Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis berserta bukti yang lengkap oleh Pengurus Pasukan kepada pihak penganjur. Tempoh masa penerimaan bantahan adalah 30 minit selepas permainan tamat



dan perlu disertakan Bersama bayaran sebanyak RM350.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Lima Puluh sahaja). Wang tersebut tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan tersebut tidak berjaya.

- b. Sekiranya bantahan berjaya, sebanyak RM100.00 akan ditolak daripada bayaran bantahan sebagai kos Panel Juri Rayuan.
- c. Pihak penganjur akan melantik Panel Juri Rayuan yang terdiri daripada ketua penganjur, ketua pengadil dan dua (2) orang pengurus pasukan lain yang tidak terlibat dalam bantahan tersebut bagi acara gelanggang dan acara olahraga.

6. KESELAMATAN DAN PEMATUHAN SOP COVID-19

- a. Segala risiko dan kemalangan yang membabitkan peserta dalam kejohanan ini adalah tanggungjawab peserta sendiri. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas segala kerugian yang membabitkan kecederaan tubuh badan, kerosakan atau kehilangan harta benda sama ada milik peribadi atau awam, atau apa-apa masalah yang timbul semasa program ini berlangsung.
- b. Semua yang hadir perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan pihak penganjur dan **DILARANG** untuk melakukan rusuhan, merokok, membawa minuman keras atau mengotori kawasan sekitar gelanggang serta hendaklah sentiasa menjaga kebersihan dan harta benda lokasi kejohanan. Pihak penganjur boleh mengambil tindakan kepada ahli pasukan atau penyokong yang tidak mematuhi peraturan.
- c. Hanya pegawai pertandingan yang bertugas dan peserta yang sedang bertanding dalam acara masing-masing sahaja dibenarkan berada dalam kawasan pertandingan.



- d. Pengurus Pasukan bertanggungjawab menguruskan segala urusan yang melibatkan peserta termasuklah bagi rawatan fisioterapi atau kecemasan dan sebelum, semasa atau selepas pertandingan diadakan.
- e. Individu yang mempunyai gejala COVID-19 seperti selsema, batuk, sakit tekak, demam dan sakit kepala adalah **DILARANG** untuk hadir ke kejohanan ini.
- f. Semua yang hadir perlu sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal serta memakai pelitup muka sepanjang kejohanan berlangsung kecuali pada waktu permainan dalam gelanggang (bagi pemain sahaja).
- g. Para pemain tidak digalakkan berkongsi tuala, makanan atau barang-barang peribadi bagi mengelakkan risiko jangkitan.
- h. Semua yang hadir perlu mematuhi segala *Standard Operating Procedure* (SOP) yang sedang berkuatkuasa.

7. HADIAH

- a) Hadiah disediakan bagi setiap kategori pertandingan seperti berikut:
 - i. Johan
 - ii. Naib Johan
 - iii. Ketiga
- b) Hadiah turut disediakan bagi kategori berikut:
 - i. Olahragawati PUSPANITA
 - ii. Pemain terbaik (setiap pertandingan)
 - iii. Penjaring terbanyak (futsal dan bola jaring)
 - iv. Jersi terbaik berpasukan



- v. Cawangan terbaik (berdasarkan keseluruhan markah pertandingan dan penyertaan)
 - vi. Kontinjen perbarisan terbaik
 - vii. Maskot terbaik
- c) Para pemenang dikehendaki melaporkan diri 10 minit lebih awal sebelum upacara penyampaian hadiah. Pengurus pasukan dikehendaki menghantar wakil untuk menerima hadiah sekiranya pemenang tidak dapat menghadirkan diri atas alasan yang munasabah dan diterima pihak penganjur.

8. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pertandingan yang berkenaan dan keputusan adalah MUKTAMAD.

Disediakan oleh:

Urus Setia

Karnival Sukan Tahunan PUSPANITA 2023

Sambutan 40 Tahun PUSPANITA (1983-2023)

PUSPANITA Kebangsaan

17 Januari 2023

No. Telefon Urus Setia: 03-8884 0304/ 0305/ 0315/ 0318.

LAMPIRAN B

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN KEJOHANAN FUTSAL PIALA KETUA SETIAUSAHA NEGARA (KSN) KARNIVAL SUKAN TAHUNAN PUSPANITA 2023

1. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Pertandingan Futsal yang diguna pakai semasa sebagaimana yang diperuntukkan oleh Persekutuan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

2. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- a. Setiap pasukan terdiri daripada 8 orang pemain berdaftar (5 pemain *on court* dan 3 pemain simpanan), seorang jurulatih dan seorang pengurus pasukan serta seorang fisioterapi bagi pasukan masing-masing. Maklumat lengkap pemain, jurulatih dan pengurus pasukan perlu dikemukakan sewaktu pendaftaran.
- b. Taklimat kepada pengurus pasukan dan pembahagian kumpulan akan dibuat secara undian oleh pihak penganjur pada 16 Februari 2023 (Khamis). Maklumat lanjut atau perubahan berkenaan taklimat ini akan dimaklumkan kepada pengurus pasukan. Senarai kumpulan akan diumumkan sebelum pertandingan bermula.
- c. Pusingan awal akan dijalankan secara liga dan pusingan seterusnya secara kalah mati. Masa permainan adalah 15 minit iaitu tujuh (7) minit bagi setiap separuh masa dan waktu rehat selama satu minit (7-1-7). Manakala, tempoh permainan bagi peringkat separuh akhir dan akhir adalah 10 minit x 2 = 20 minit dan waktu rehat selama dua minit (10-2-10).



- d. Peringkat akhir bagi kejohanan futsal ini akan diadakan pada 19 Februari 2023 (Ahad).
- e. Mata kemenangan pusingan liga iaitu:
 - i. Menang = 3 mata
 - ii. Seri = 1 mata
 - iii. Kalah = 0 mata
- f. Jika dua (2) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:
 - i. Pasukan yang mendapat jaringan terbanyak dikira pemenang;
 - ii. Pasukan yang bolos jaringan terkecil dikira pemenang; atau
 - iii. Jika masih seri, undian akan dilakukan bagi menentukan pemenang
- g. Sekiranya berlaku keputusan seri pada peringkat pusingan kalah mati, kemenangan akan ditentukan melalui sepakan penalti (3 pemain). Jika jaringan masih sama, tambahan sepakan seorang pemain setiap pasukan akan dibuat, jika masih lagi sama, maka lambungan syiling akan diguna pakai bagi menentukan pasukan yang layak.
- h. Semua pemain wajib memakai pakaian sukan yang sopan dan bersesuaian. Pemain wanita tidak dibenarkan memakai seluar pendek atau skirt.
- i. Walau bagaimanapun, syarat-syarat pertandingan ini adalah tertakluk kepada perubahan yang mana pihak penganjur boleh mengubah sistem pertandingan berdasarkan kepada jumlah penyertaan dan masa. Pihak penganjur akan memaklumkan setiap pasukan berkenaan perubahan sistem pertandingan sekiranya ada.

LAMPIRAN C

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN KEJOHANAN BOLA JARING PIALA YANG DIPERTUA PUSPANITA (YDP) KARNIVAL SUKAN TAHUNAN PUSPANITA 2023

1. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Pertandingan Kejohanan dan dilaksanakan mengikut Peraturan Am dan Undang-Undang Gabungan Bola Jaring Wanita Antarabangsa (IFNA).

2. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- a. Setiap pasukan terdiri daripada 10 orang pemain berdaftar (7 pemain *on court* dan 3 pemain simpanan), seorang jurulatih dan seorang pengurus pasukan serta seorang fisioterapi bagi pasukan masing-masing. Maklumat lengkap pemain, jurulatih dan pengurus pasukan perlu dikemukakan sewaktu pendaftaran.
- b. Taklimat kepada pengurus pasukan dan pembahagian kumpulan akan dibuat secara undian oleh pihak penganjur pada 16 Februari 2023 (Khamis). Maklumat lanjut atau perubahan berkenaan taklimat ini akan dimaklumkan kepada pengurus pasukan. Senarai kumpulan akan diumumkan sebelum pertandingan bermula.
- c. Pusingan awal akan dijalankan secara liga dan pusingan seterusnya secara kalah mati. Masa permainan adalah 15 minit iaitu tujuh (7) minit bagi setiap separuh masa dan waktu rehat selama satu minit (7-1-7). Manakala, tempoh permainan bagi peringkat separuh akhir dan akhir adalah 10 minit x 2 = 20 minit dan waktu rehat selama dua minit (10-2-10).



- d. Peringkat akhir bagi kejohanan bola jaring ini akan diadakan pada 19 Februari 2023 (Ahad).
- e. Sekiranya berlaku keputusan seri pada peringkat pusingan kalah mati, maka tiga (3) hantaran tengah akan diadakan yang mana kedua-dua pasukan akan membuat undian untuk menentukan pasukan mana yang akan membuat permulaan hantaran tengah. Pasukan yang mendahului dengan dua (2) jaringan gol terlebih dahulu akan diisytihar sebagai pemenang.
- f. Mata kemenangan pusingan liga iaitu:
 - i. Menang = 3 mata
 - ii. Seri = 1 mata
 - iii. Kalah = 0 mata
- g. Jika dua (2) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:
 - i. Pasukan yang mendapat jaringan terbanyak dikira pemenang;
 - ii. Pasukan yang bolos jaringan terkecil dikira pemenang; atau
 - iii. Jika masih seri, undian akan dilakukan bagi menentukan pemenang
- h. Semua pemain wajib memakai pakaian sukan yang sopan dan bersesuaian. Pemain wanita tidak dibenarkan memakai seluar pendek atau skirt.
- i. Setiap pasukan perlu membawa dan memakai set bib masing-masing.
- j. Walau bagaimanapun, syarat-syarat pertandingan ini adalah tertakluk kepada perubahan yang mana pihak penganjur boleh mengubah sistem



pertandingan berdasarkan kepada jumlah penyertaan dan masa. Pihak penganjur akan memaklumkan setiap pasukan berkenaan perubahan sistem pertandingan sekiranya ada.

LAMPIRAN D

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN KEJOHANAN BOLA TAMPAR PUSPANITA KARNIVAL SUKAN TAHUNAN PUSPANITA 2023

1. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Pertandingan Kejohanan dan dilaksanakan mengikut Peraturan Am dan Undang-Undang Gabungan Bola Jaring Wanita Antarabangsa (IFNA).

2. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- a. Setiap pasukan terdiri daripada 12 orang pemain berdaftar (6 pemain *on court* dan 6 pemain simpanan), seorang jurulatih dan seorang pengurus pasukan serta seorang fisioterapi bagi pasukan masing-masing. Maklumat lengkap pemain, jurulatih dan pengurus pasukan perlu dikemukakan sewaktu pendaftaran.
- b. Taklimat kepada pengurus pasukan dan pembahagian kumpulan akan dibuat secara undian oleh pihak penganjur pada 16 Februari 2023 (Khamis). Maklumat lanjut atau perubahan berkenaan taklimat ini akan dimaklumkan kepada pengurus pasukan. Senarai kumpulan akan diumumkan sebelum pertandingan bermula.
- c. Pusingan awal akan dijalankan secara liga dan pusingan seterusnya secara kalah mati sehingga peringkat akhir.
- d. Peringkat akhir bagi kejohanan bola tampar ini akan diadakan pada 19 Februari 2023 (Ahad).

e. Peringkat Liga:

i. Permainan pusingan awal ini akan diadakan menggunakan sistem volleython 31 mata dengan dua set permainan sahaja. Pemenang akan ditentukan dengan jumlah pungutan mata tertinggi. Sekiranya mata adalah seri iaitu 30-30 (maka *deuce* 2 mata akan diadakan dengan 35 mata penamat), 16 mata pertukaran gelanggang, dua "TIMEOUT" dan 6 pertukaran pemain.

ii. Mata kemenangan pusingan liga iaitu:

- Menang = 3 mata
- Kalah = 0 mata

iii. Jika dua (2) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, kaedah berikut akan digunakan:

Nisbah mata tertinggi (M)	=	Jumlah mata set yang menang (MM) / Jumlah mata set yang kalah (MK)
---------------------------	---	---

Pasukan yang memperolehi nisbah mata set yang lebih tinggi menduduki tempat teratas

iv. Sekiranya masih seri, kaedah kedua akan digunakan:

Nisbah set tertinggi (S)	=	Jumlah set menang (SM) / Jumlah set kalah (SK)
--------------------------	---	---

Pasukan yang memperolehi nisbah mata set yang lebih tinggi menduduki tempat teratas



- v. Sekiranya masih berlaku keputusan seri, maka keputusan perlawanan yang telah diadakan antara kedua-dua pasukan tersebut akan diambil kira. Pasukan yang memenangi perlawanan tersebut akan dikira sebagai pemenang.
 - vi. Sekiranya masih tidak boleh menentukan pemenang antara tiga (3) atau lebih pasukan, maka keputusan akan ditentukan dengan cabutan undi.
- f. Peringkat Separuh Akhir dan Akhir
- iv. Permainan akan dijalankan secara kalah mati dengan '2 set terbaik' / *best of 2*. Kiraan mata adalah secara *rally points* seperti berikut:
 - Set 1 dan 2: 21 mata dengan 23 mata maksimum
 - Set 3: 15 mata dengan 17 mata maksimum
- g. Semua pemain wajib memakai pakaian sukan yang sopan dan bersesuaian. Pemain wanita tidak dibenarkan memakai seluar pendek atau skirt.
- h. Walau bagaimanapun, syarat-syarat pertandingan ini adalah tertakluk kepada perubahan yang mana pihak penganjur boleh mengubah sistem pertandingan berdasarkan kepada jumlah penyertaan dan masa. Pihak penganjur akan memaklumkan setiap pasukan berkenaan perubahan sistem pertandingan sekiranya ada.

LAMPIRAN E

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN KEJOHANAN OLAHRAGA PUSPANITA KARNIVAL SUKAN TAHUNAN PUSPANITA 2023

1. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

Kejohanan ini dijalankan mengikut Peraturan Am dan Undang-Undang Olahraga Dunia (*World Athletics*).

2. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- d) Taklimat kepada pengurus pasukan akan dibuat oleh pihak penganjur pada 16 Februari 2023 (Khamis). Maklumat lanjut atau perubahan berkenaan taklimat ini akan dimaklumkan kepada pengurus pasukan.
- e) Setiap pasukan dikehendaki menghantar seorang pengurus dan seorang jurulatih serta pemain seperti berikut:

Bil.	Jenis Pertandingan	Penyertaan bagi setiap cawangan
1.	Larian 100m	1 - 2 orang peserta
2.	Larian 400m	1 - 2 orang peserta
3.	Larian 1500m	1 - 2 orang peserta
4.	Larian Berganti 4x100m	1 pasukan (4 orang peserta)
5.	Larian Berganti 4x400m	1 pasukan (4 orang peserta)
6.	Lompat Jauh	1 - 2 orang peserta
7.	Lontar Peluru	1 - 2 orang peserta
8.	Lumba Jalan Kaki 2000m	1 orang peserta

- f) Setiap individu hanya dibenarkan untuk menyertai **maksimum dua (2) acara sahaja kecuali Lumba Jalan Kaki hanya satu peserta sahaja.**



Jika terdapat peserta yang menyertai acara balapan dan padang yang dijalankan serentak, peserta berkenaan hendaklah melaporkan diri kepada Pegawai Padang terlebih dahulu dan kemudian melaporkan diri kepada Pelepas.

- g) Setiap pasukan perlu menghantar seorang atau dua (2) wakil bagi setiap acara individu dan empat (4) orang bagi acara larian berganti.
- h) Jika terdapat cawangan yang menghantar lebih peserta daripada bilangan yang ditetapkan, peserta-peserta yang berlebihan mengikut susunan akan secara automatik DIGUGURKAN.
- i) Acara Lumba Jalan Kaki (2000m) hanya boleh disertai oleh ahli PUSPANITA yang berumur 45 tahun dan ke atas.
- j) Semua pemain wajib memakai pakaian sukan yang bersesuaian. Pemain wanita tidak dibenarkan memakai seluar pendek atau skirt. Nombor peserta mestilah dipakai di hadapan (separas dada) dan di belakang serta boleh dilihat dengan jelas.
- k) Walau bagaimanapun, syarat-syarat pertandingan ini adalah tertakluk kepada perubahan yang mana pihak penganjur boleh mengubah sistem pertandingan berdasarkan kepada jumlah penyertaan dan masa. Pihak penganjur akan memaklumkan setiap pasukan berkenaan perubahan sistem pertandingan sekiranya ada.

3. SISTEM PERTANDINGAN

- a. Undian lorong bagi acara balapan dan giliran pertandingan bagi acara padang pada pusingan awal atau mana-mana acara yang

ditetapkan sebagai acara akhir akan dilakukan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan

- b. Undian lorong bagi pusingan berikutnya akan dilakukan semasa kejohanan berlangsung oleh Pengurus Kejohanan mengikut panduan dalam kejohanan olahraga.
- c. Bilangan peserta yang layak ke peringkat seterusnya adalah berdasarkan catatan masa terbaik daripada setiap sesi saringan dan juga keseluruhan. Bilangan saringan yang akan diadakan adalah berdasarkan jumlah penyertaan peserta. Contoh saringan:

Sesi Saringan	Keterangan
Lima (5) Saringan	Hanya dua (2) peserta teratas dari setiap saringan dan enam (6) lagi peserta yang mencatat masa terbaik dari kelima-lima saringan adalah layak memasuki peringkat Separuh Akhir.
Empat (4) Saringan	Hanya tiga (3) peserta teratas dari tiap-tiap saringan dan empat (4) lagi peserta yang mencatat masa terbaik dari keempat-empat saringan layak memasuki peringkat Separuh Akhir

- d. Bagi berat alatan sukan seperti Peluru untuk wanita akan menggunakan kategori berat yang digunakan dalam mana-mana pertandingan senior iaitu 4.005kg.